



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

CADANGAN SISTEM PENGAMBILAN PEKERJA ASING SECARA LANGSUNG MASIH DI PERINGKAT PENELITIAN

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengambil maklum pelbagai laporan media dan perbincangan awam berhubung cadangan pelaksanaan sistem pengambilan pekerja asing secara digital. Namun, terdapat pelbagai versi laporan dan tafsiran yang berbeza-beza sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang awam dan pihak industri. Sebarang laporan atau kenyataan yang menggambarkan seolah-olah keputusan telah dimuktamadkan adalah tidak benar, mengelirukan dan tidak mencerminkan kedudukan sebenar Kerajaan.

Sejajar dengan saranan Kerajaan untuk memperkukuh tadbir urus pengurusan pekerja asing mengambil kira impaknya kepada ekonomi dan reputasi negara, KESUMA telah mengkaji keseluruhan ekosistem pekerja asing dan mendapati terdapat kelompongan dalam komponen perekrutan pekerja di negara sumber khususnya ikatan hutang yang ditanggung oleh pekerja asing (*debt bondage*).

Sehubungan itu, KESUMA sedang meneroka keperluan untuk membangunkan platform digital berasaskan teknologi **Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI)** bagi menambah baik ekosistem pengambilan pekerja asing secara menyeluruh. Pendekatan ini membolehkan pengambilan pekerja asing secara langsung oleh majikan berdasarkan keperluan sebenar tenaga kerja, merangkumi keseluruhan proses di negara sumber termasuk pendaftaran, pemilihan, padanan pekerjaan, persetujuan kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja, serta fasilitasi penghantaran pekerja. Kos perekrutan akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah dan memastikan tiada beban kewangan dikenakan kepada pekerja asing.

Ini selaras dengan prinsip pengambilan pekerja yang adil dan beretika yang diterapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan berpotensi menangani isu pemerdagangan orang dan buruh paksa di samping **memperkuh usaha Malaysia mencapai penarafan Tier 1 dalam *United States Trafficking in Persons Report***. Cadangan ini akan hanya tertumpu kepada proses perekrutan pekerja asing di negara sumber sahaja iaitu di peringkat proses pasca-kelulusan kuota, dan tidak mengganggu apa-apa proses pra-perekrutan seperti peranan agensi kawal selia, kelulusan kuota termasuk aktiviti penguatkuasaan Kerajaan berlandaskan perundangan sedia ada.

Tambahan, pelaksanaan akan tertakluk sepenuhnya kepada kawalan KESUMA dari segi dasar dan pengoperasian dengan pengintegrasian bersama sistem-sistem sedia ada Kerajaan termasuk *Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS)* dan *National Integrated Immigration System (NIISe)*. Dari aspek pengurusan pekerja asing, penglibatan dan peranan agensi pekerjaan swasta di Malaysia kekal dan tidak terjejas kerana KESUMA melihat cadangan ini sebagai satu platform yang boleh digunakan oleh majikan sendiri atau melalui agensi pekerjaan swasta untuk menjalankan proses perekrutan.

Pada masa ini, KESUMA sedang meneliti dan memperhalusi semua cadangan melalui sesi libat urus awal bersama negara-negara sumber tenaga kerja dan industri, termasuk penyedia teknologi *Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS)*, yang digunakan bagi pengurusan pekerja asing ke Malaysia sejak tahun 2015. Walaubagaimanapun, semua cadangan tersebut masih dalam peringkat penilaian dan belum diputuskan serta tiada sebarang komitmen, pelantikan atau perjanjian dibuat dengan mana-mana pihak setakat ini.

Komitmen KESUMA untuk menambah baik aspek perekrutan telah meraih sokongan positif daripada beberapa negara sumber tenaga kerja utama seperti Bangladesh, Indonesia dan India dalam meningkatkan ketelusan dan kecekapan operasi serta mewujudkan kesinambungan ekosistem pekerja asing yang menyeluruh daripada proses pra sehingga pasca perekrutan.

Manakala, Persatuan industri utama termasuk **Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)**, **Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)**, **Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI)** dan **Malaysian Employers Federation (MEF)**, dimana kesemua mempunyai keahlian hampir sejuta anggota turut menyokong usaha Kerajaan

memodenkan sistem pengambilan pekerja asing melalui pendekatan digital dan berasaskan teknologi. Manakala, **Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM)** mewakili lebih 13,300 syarikat pengilangan juga secara terbuka menyambut baik cadangan ini, sekali gus mencerminkan keperluan industri terhadap sistem yang lebih telus, berdaya saing serta mampu mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah dan mengawal kos perekrutan.

KESUMA kekal komited untuk memastikan bahawa sebarang cadangan dalam pengambilan pekerja asing akan dilaksanakan secara telus, berintegriti dan berasaskan kepentingan negara. Pendekatan yang dipertimbangkan akan memberi keutamaan kepada keperluan industri serta kestabilan pasaran buruh tempatan, di samping memastikan aspek kebajikan dan perlindungan asas pekerja asing terus dipelihara selaras dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan.

Sebarang pelaksanaan kelak akan mematuhi semua tatakelola yang ditetapkan dan melalui proses pertimbangan serta persetujuan kabinet selepas libat urus dengan penglibatan kementerian berkaitan, pihak industri dan negara sumber tenaga kerja, bagi memastikan sistem yang dibangunkan benar-benar seimbang, berkesan dan memenuhi keperluan serta kepentingan negara.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) kekal komited memperkukuh pembangunan bakat tempatan sebagai teras utama reformasi pasaran buruh negara, selaras dengan agenda jangka panjang untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

21 APRIL 2026

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	